

LAPORAN PENYELIDIKAN : UPU (1) /D/ 2003

PEMBENTUKAN PENGUKURAN PERSONALITI PENDAKWAH

PENYELIDIK

PROF. DATIN DR. MIZAN ADILIAH AHMAD IBRAHIM

PROF. MADYA DR. ALI YAKUB MATONDANG

ASMA ABDUL RAHMAN

Perpustakaan KUIM



1000025602

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

KUALA LUMPUR

JULAI 2004

KANDUNGAN

MUKASURAT

PENGHARGAAN	I
ABSTRAK	II
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Matlamat Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Persoalan Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.7 Konsep Kajian	5
BAB 2	
TINJAUAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pendahuluan	7
2.2 Kajian Berkaitan	7
2.2.1 Personaliti	7
2.2.2 Pendakwah	12
2.3 Ujian Psikometrik	20
2.4 Ujian Psikometrik dalam Islam	21
2.5 Rumusan	23
BAB 3	
METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	24
3.2 Bentuk Kajian	24
3.3 Proses Pengumpulan Data	25
3.3.1 Kajian Perpustakaan dan Media Elektronik	25
3.3.2 Kajian Pendapat Pakar	25
3.3.3 Kajian Pola Personaliti Pendakwah di Malaysia	29
3.4 Alatan Kajian	30
3.5 Pemarkatan Skor	40
3.6 Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan	44
3.7 Rumusan	45
BAB 4	
UJIAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN	
4.1 Ujian Kesahan	46
4.2 Ujian Kebolehpercayaan	50

BAB 5

KAJIAN POLA PERSONALITI PENDAKWAH DI MALAYSIA

5.1	Pendahuluan	54
5.2	Profil Responden	54
5.3	Keputusan Analisis Deskriptif	64
5.4	Rumusan Hasil Kajian Deskriptif	75

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	Rumusan Hasil Kajian	77
6.2	Cadangan	79

RUJUKAN	80-82
----------------	-------

LAMPIRAN

PANDUAN UJIAN PERSONALITI PENDAKWAH	83-106
BORANG UJIAN KESAHAN	107-109
KOMEN UJIAN PERSONALITI PENDAKWAH	110-118
PENILAIAN KESELURUHAN	119
BORANG SOAL-SELIDIK KAJIAN POLA PERSONALITI PENDAKWAH	
BORANG SOAL-SELIDIK SEMI STRUKTUR PAKAR	

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad SAW, nabi akhir zaman. Syukur di atas segala rahmat dan pertolongan-Nya, serta kurniaan kesihatan, keazaman dan kekuatan kepada kami untuk menyempurnakan projek penyelidikan kod:UPU (1) /D/2003.

Kami mengambil kesempatan ini untuk meluahkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sumbangan dan bantuan dalam apa jua bentuk bagi menjayakan penyelidikan ini. Penghargaan dan terima kasih kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah menanggung seluruh kos penyelidikan ini. Terima kasih ditujukan kepada Rektor KUIM, Ybhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin dan Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan), Prof. Dr. Mohamed Asin bin Dollah yang telah banyak memberikan dorongan dan sokongan yang kuat kepada kami untuk menjayakan projek ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Bendahari, Pendaftar, Perpustakaan dan seluruh kakitangan KUIM yang turut memberikan sumbangan dalam apa jua bentuk sekalipun.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dengan projek ini samada secara langsung atau tidak langsung. Insya-Allah segala kerjasama dan bantuan yang diberikan akan dibalas dengan ganjaran yang sewajarnya oleh Allah SWT.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membentuk satu alat ukur bagi menentukan personaliti pendakwah. Kajian ini telah menggunakan beberapa kaedah dalam mengumpulkan data. Data dari kajian perpustakaan, media massa dan elektronik dan pendapat-pendapat pakar telah dikumpulkan. Berdasarkan data yang terkumpul, alat ukur ini dibina. Ianya mengandungi lima konsep utama iaitu: akhlak, pengetahuan dan tahap akademik, kemahiran, kepimpinan dan sifat fizikal pendakwah. Setiap satu konstruk mengandungi subtajuk. Untuk konsep akhlak mengandungi konstruk yakin, sabar, jujur, penyayang, tawadduk, membimbing dan bantu-membantu. Untuk konsep kemahiran ianya mengandungi, kemahiran berbahasa, ICT, komunikasi, psikologi, metodologi berdakwah dan memahami sasaran dakwah. Kepimpinan mengandungi memimpin diri, keluarga dan masyarakat. Sebanyak 162 item dibina untuk alat ukur ini.

Ujian kesahan dan kebolehpercayaan telah dijalankan. Untuk ujian kesahan lima orang pakar kaunseling psikologi telah diminta pandangan mengenai alat ukur ini. Hasil pandangan pakar menunjukkan alat ukur ini mempunyai nilai kesahan yang agak tinggi iaitu melebihi .7. Sementara pembaikan juga telah dijalankan mengikut pandangan pakar.

Untuk tujuan kebolehpercayaan UPP KUIM ini, seramai 56 orang pendakwah telah dipilih secara rawak berstruktur untuk menguji kebolehpercayaan alat ukur. Keputusan ujian menunjukkan, untuk komponen yakin nilai pekali kebolehpercayaan ialah .8936, penyayang .7699, tawadduk .7594, jujur .7579, kemampuan memahami sasaran dakwah nilai kebolehpercayaan .9526, keinginan membantu .7526, kemahiran komunikasi .9000, kemahiran ICT .8656, metodologi dakwah .8025, kemahiran psikologi .7317, kemahiran berbahasa .8658, akademik .6975. Keseluruhan nilai pekali kebolehpercayaan UPP KUIM yang diperolehi adalah tinggi iaitu .9678.

Satu manual penggunaan UPP KUIM telah juga dibina untuk tujuan kemudahan pengguna. Alat ini juga diterbitkan dalam bentuk CD.

ABSTRACT

This study was carried out to develop a tool to measure the profile of a da'i. A few data collection techniques were employed to collect data from various sources namely, library research, the printed and electronic mass media and the experts in the field. Based on the data collected, the tool was developed. The tool was constructed based on five primary concepts; "akhlak" or moral, knowledge and academic qualification, professional skills, leadership qualities and physical appearance. Each concept was developed based on a few specific sub-constructs. The construct of confidence, patience, honesty, passion, tawadduk, guiding and assistance made up the concept of moral. As for professional skills, the concept was built upon the construct of language of proficiency, ICT skills, psychological aspect, dakwah methodology and understanding of dakwah target. Leadership qualities can be evaluated through the ability to lead oneself, family and the community. 162 items were developed for the tools.

Validity and reliability tests were carried out. Five psychological counselling experts were consulted to test the validity of the instrument. It was confirmed by the experts that the tool has the validity of .7 while improvements were also done as recommended. For the purposes of proving the reliability of the study, 56 dai's were selected through stratified random sampling to test the reliability of the instrument. The findings revealed that the reliability coefficients for the component of confidence is .8936, .7966 for passion, .7594 for tawadduk, .7579 for honesty, and .9526 for the ability of understanding dakwah target while the effort to assist scored .7526 of the reliability value, and .9000 for communication skills, .8656 for ICT competency, .8025 for dakwah methodology, .7317 for psychological skills and .8658 for language proficiency.

Finally, the academic qualification construct claimed .6975 of reliability coefficient value. The overall reliability coefficients score for UPP KUIM was very high which is .9678. A manual for the UPP KUIM was developed for users of the tool which later published in a form of a compact disc (CD).

ملخص البحث

تهدف هذه الدراسة إلى إقامة معيار لتعيين شخصية الداعية، وذلك بتقديم المناهج المختلفة لجمع المعلومات المتعلقة بها من جهة الدراسات المكتبية والمنشورات الالكترونية وأفكار الخبراء. وعلى أساس المعلومات الموجودة أجري هذا المعيار الذي يتضمن خمسة عناصر رئيسية وهي الأخلاق، والمعارف، والمستويات الأكاديمية، والمهارات، والإدارات والرئاسة، والصفات الجسمية للداعية. ولكل عنصر من العناصر المذكورة فروع ومباحث متنوعة. فعنصر الأخلاق مثلا يشمل صفة اليقين، والصبر، والأمانة، والمحبة، والتواضع، والتعاون، والمساعدة، والإرشاد. وكذلك عنصر المهارة تتضمن المهارات اللغوية وتكنولوجيا المعلومات والاتصالات والسيكولوجية أو النفسية ومناهج الدعوة وفهم أهدافها. وأما عنصر الإدارة والرئاسة يحتوي على إدارة الذات والأهل والمجتمع. وعلى هذا كله فقد أجري البحث بقدر مئة واثنين وستين قائمة لإنجاز هذا المعيار.

كما أجري أيضا الاختبار لمعرفة صحة هذا المعيار وثقته. وقد استحضرت الآراء من خمسة خبراء في مجال الاستشارات النفسية أو السيكولوجية لتأكيد صحة هذا المعيار. وكانت نتيجتها تدل على أن هذا المعيار ذو قيمة دالة إحصائيا ترتفع أكثر من ٧٠٪، وفي الوقت نفسه اجريت التصحيحات المبنية على إفادات هؤلاء الخبراء.

ولأهداف ثقة المعيار لشخصية الداعية بجامعة العلوم الإسلامية (كويم) قد أختيرت مجموعة من الدعاة بلغ عددهم ستة وخمسين داعية بطريقة عفوية منظمة للإجراءات التحريية علي اختبار صدق المعيار وثقته. ونتيجة هذا التقييم التحريي تدل على أن عنصر اليقين له قيمة معامل بمدى الثقة بقدر ٨٩٣٦، والمحبة ٧٦٩٩، والتواضع ٧٥٩٤، والأمانة ٧٥٧٩. والقدرة على استيعاب أهداف الدعوة لها قيمة أيضا لمدى ثقة هذا المعيار بقدر ٩٥٢٦، والرغبة في التعاون ٧٥٢٦، والمهارات الاتصالية ٩٠٠٠، ومهارة تكنولوجيا المعلومات والاتصالات ٨٦٥٦، ومناهج الدعوة ٨٠٢٥، والمهارة النفسية أو السيكولوجية ٧٣١٧، والمهارة اللغوية ٨٦٥٨، والأكاديمية ٦٩٧٥. فنتيجة القيم المستنتجة المعاملة لاختبار ثقة معيار شخصية الداعية بجامعة العلوم الإسلامية (كويم) عالية وهي بقدر ٩٦٧٨.

ولذلك قد تم إصدار دليل مختصر لاستعمال معيار شخصية الداعية بجامعة العلوم الإسلامية (كويم) لغرض تسهيل مهمة المستخدم. كما أن هذا الجهاز قد تم إنتاجه على تقنية الأقراص المضغوطة (CD).

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG

Di Malaysia bidang dakwah semakin mendapat perhatian. Namun, dalam bidang ini masih banyak lagi yang belum diterokai. Hingga hari ini masih tiada lagi kajian untuk menentukan cara atau bentuk personaliti yang spesifik yang menggambarkan seorang pendakwah yang berkaliber. Begitu juga, tiada alat tertentu untuk digunakan bagi menguji atau mengenalpasti ciri-ciri seorang pendakwah tersebut.

Jika dilihat di barat, kebanyakan alat yang digunakan untuk menguji personaliti ini ialah melalui 'psychometric test' atau 'psychology test'. Merujuk kepada The Dictionary of Psychology (1999) ujian psikometrik ialah ujian psikologi berbentuk kualitatif dan menggunakan teknik statistik yang ditadbirkan dengan bantuan ahli-ahli yang mahir dalam ujian psikologi untuk menentukan tahap kecerdasan minat dan mana-mana ujian mental. Ujian psikologi pula ialah bentuk ujian yang telah distandardkan (ujian, inventori dan skala) yang digunakan untuk mengukur kecerdasan, kebolehan mental secara umum dan spesifik, kebolehan dalaman, nilai, minat, personaliti, motivasi dan bidang-bidang psikologi yang lain yang telah dibangunkan dan mempunyai kesahan, kebolehpercayaan dan kepiawaian. Umumnya, ujian psikometrik adalah untuk menilai tingkah-laku manusia melalui soal-selidik. Walaubagaimanapun, cara penafsiran ujian psikometrik ini berbeza-beza bergantung pada tujuan dan kehendak yang diperlukan oleh sesebuah organisasi tersebut.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk membentuk satu alat uji yang boleh digunakan untuk mengenalpasti ciri-ciri personaliti seorang pendakwah. Bagaimana untuk menentukan kriteria-kriteria yang perlu ada pada seseorang pendakwah, cara penyampaian yang betul, bentuk metodologi yang berkesan untuk mengajak orang lain kepada kebaikan, tahap pendidikan yang sempurna dan juga memiliki kemahiran-kemahiran yang ada dalam mengharungi cabaran dakwah di era globalisasi ini. Tugas pendakwah bukan sahaja sekadar mengajak manusia kepada kebaikan bahkan menjadi sumber rujukan, tempat untuk

menyelesaikan masalah dan pendakwah turut dilihat sebagai pembimbing dan cermin kepada sesebuah masyarakat tersebut.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Di Malaysia perbincangan mengenai personaliti pendakwah amat kurang sekali diterbitkan atau dikaji. Konsep yang menyatakan setiap orang Islam adalah pendakwah mungkin mempengaruhi dan membawa kepada kurang tumpuan kepada personaliti pendakwah. Tetapi Fariza et. all (2000) menyatakan, dengan dunia menempuh gelombang perubahan ketiga iaitu gelombang sains, teknologi dan globalisasi, pendakwah perlu peka dengan perubahan ini dan membuat persediaan. Peranan pendakwah kini menjadi lebih kritikal. Pendakwah perlu dilihat sebagai pemimpin yang berkeupayaan memimpin, merancang dan menguasai ilmu terkini. Mereka tidak boleh lagi tertinggal dengan perubahan yang cepat mendatang.

Keadaan ini bertambah penting lagi dengan permasalahan sosial yang dihadapi oleh umat Islam sendiri. Umat Islam kini terlibat dalam berbagai permasalahan seperti penyalahgunaan dadah, jenayah seksual, juvenil, perpecahan rumahtangga dan sebagainya. Malah boleh dikatakan setiap tahap umur umat Islam mempunyai pola permasalahannya sendiri. Kekalutan masyarakat ini juga menghakis tenaga untuk meningkatkan penyebaran Islam kepada masyarakat bukan Islam.

Keadaan ini bertambah kusut dengan berlakunya kepincangan akhlak pendakwah seperti yang dikemukakan oleh Ismail Abdul Rahman (1991) dalam menjalankan dakwah mereka telah membawa kesan negatif kepada umat Islam dan bukan Islam di negara ini. Mereka bukan sahaja tidak berjaya menghampirkan umat Islam kepada Islam tetapi menakutkan mereka yang bukan Islam. Ini telah menyebabkan kerajaan menubuhkan berbagai organisasi kerajaan dan menyokong organisasi bukan kerajaan yang menjalankan usaha dakwah yang membantu pembentukan ummah yang mustakin.

Abdullah Mohd. Zin (1995) dan Abdul Khabir Muhammad Atta (1996) menyentuh beberapa ciri penting dalam memberikan khidmat ini termasuklah kemahiran, pengetahuan dan juga sikap yang diperlukan agar pengajaran yang akan disampaikan dapat diterima dengan baik. Mereka berpendapat ciri-ciri tertentu diperlukan untuk membolehkan proses penyampaian dakwah berjalan dengan baik.

Oleh itu, sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi yang memilih untuk melatih para pendakwah, adalah penting sekali bagi KUIM untuk membina satu alat ukur yang dapat membantu dalam pembentukan personaliti pendakwah yang baik. Semoga dengan adanya alat ukur ini dapat dilahirkan pendakwah yang berkesan dan tepat dengan peranan mereka.

1.3 MATLAMAT

Kajian ini adalah bermatlamat untuk membina alat pengukuran personaliti pendakwah. Alat ukur Personaliti Pendakwah KUIM ini boleh digunakan sebagai:

1. Alat membantu pihak yang berkaitan dalam memilih pendakwah yang sesuai.
2. Alat pemilihan calon pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.
3. Alat pengumpulan maklumat bidang yang perlu dipertingkatkan dalam mendidik pendakwah atau pelajar.
4. Alat memperbaiki dakwah agar lebih sesuai dengan keperluan masyarakat.
5. Alat melihat kekesan program melalui pemberian ujian pra dan ujian pos untuk melihat kejayaan latihan yang diberikan.
6. Alat ukur kepada badan dakwah yang lain dalam usaha mereka mendapatkan kakitangan dakwah di organisasi masing-masing.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Membina satu alat mengukur personaliti pendakwah yang baik.
2. Menjalankan kajian lapangan untuk mendapatkan pola pendakwah yang baik di Malaysia.
3. Mendapat pandangan pakar-pakar mengenai kualiti pendakwah yang baik.
4. Menjalankan kajian perpustakaan dan media elektronik untuk mendapatkan maklumat ciri-ciri pendakwah yang baik dari perspektif Islam.
5. Mengumpulkan konsep-konsep utama dalam personaliti pendakwah yang baik dari perspektif Islam.
6. Membina konstruk dalam ujian personaliti pendakwah.
7. Menjalankan ujian '*realibiliti dan validiti*' kepada alat ukur.
8. Membina alat ujian dalam bentuk CD.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah pandangan pakar-pakar agama Islam mengenai ciri pendakwah yang baik?
2. Apakah konsep-konsep utama ciri pendakwah yang baik?
3. Apakah tahap kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur yang dibina?
4. Bagaimanakah pola personaliti pendakwah yang baik di Malaysia?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting kerana sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang memilih untuk menjadikan dakwah sebagai bidang keistimewaannya perlu membina ruang perkhidmatan yang luas agar bidang dakwah dapat dianggap sebagai bidang yang profesional, lengkap dengan bidang ujian dan penilaiannya. Oleh kerana masih belum mempunyai alat penilaian pendakwah, alat ini akan dapat membantu dalam memilih kakitangan pendakwah di negara ini.

Untuk menjelaskan skop perbincangan dalam kajian ini, maka perlulah terlebih dahulu diterangkan konsep kajian ini iaitu personaliti pendakwah. Terdapat beberapa konsep utama dalam kajian ini. Pendakwah adalah merupakan orang yang mengajak kepada kebenaran. Pendakwah juga didefinisikan sebagai propagandis iaitu seorang yang menyebarkan (kadang-kadang untuk kumpulan tertentu) pergerakan pendakwah, khutbah atau panggilan. Pandangan dari masyarakat diperlukan bagi menentukan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan ciri-ciri pendakwah yang baik. Selain pandangan masyarakat, pandangan dari pakar-pakar dalam bidang agama turut diperlukan.

Menurut Yusuf Qardhawi dalam bukunya *Fi Ushul Ad-Da'wah*, ciri-ciri khas pendakwah ialah memahami hakikat Islam, memahami apa yang terjadi di dalam kehidupan, memahami hukum-hukum syari'ah dan sunnatullah di alam semesta, kasih-sayang dan penyantun, memudahkan dan tidak menyulitkan, melakukan aktiviti-aktiviti dakwah secara berperingkat-peringkat, sentiasa kembali merujuk kepada Al-Quran dan Sunnah dan tidak ta'assub.

Menurut Dr. Ali Abdul Halim Mahmud (1993) dalam bukunya bertajuk *Fiqh Ad-Da'wah Ila Allah (I)*, terdapat empat ciri utama pendakwah iaitu:

1. Memiliki akhlak yang mulia (*as-shifat al-khuluqiyyah*)

- a. Warak
- b. Ikhlas
- c. Sabar
- d. al-Isar
- e. Tawadduk
- f. Ihsan

2. Memiliki kualiti akademik yang baik (*as-shifat al-'ilmiyyah*)

- a. Kepakaran dalam bidang agama

- b. Kepakaran dalam Fiqh Islam
- c. Mementingkan pendidikan Islam

3. Memiliki kemampuan aplikasi (*as-shifat al-'amaliyyah*)

- a. Mampu serta tekun melakukan aktiviti dakwah
- b. Memiliki pengalaman dalam kegiatan keislaman
- c. Mampu menganalisis dan mengambil keputusan

4. Memiliki sifat-sifat kepimpinan (*as-shifat al-qiyadiyah*)

- a. Mampu memimpin pihak yang lain
- b. Mampu mengendalikan pelbagai jenis kelompok orang
- c. Mampu mengatasi konflik-konflik yang timbul
- d. Mampu mengatasi perubahan-perubahan yang mendatang
- e. Mampu menempatkan diri mengikut keadaan semasa
- f. Mampu mewariskan yang terbaik bagi generasi masa hadapan

Oleh itu, berdasarkan ciri-ciri utama ini, dijadikan rujukan dan panduan untuk membentuk alat ujian personaliti pendakwah ini.

Kesahan dan kebolehpercayaan

Konsep kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini adalah seperti yang dikatakan oleh John McLeod (1994) konsep kesahan merujuk kepada keupayaan ujian untuk mengukur pembinaan sebenar. Konsep kebolehpercayaan merujuk kepada keteguhan ujian, muatannya untuk menghasilkan keputusan yang serupa dalam situasi yang berlainan atau bila ditadbir oleh beberapa orang atau kepada masa yang berlainan. Ujian kesahan dan kebolehpercayaan ini adalah sangat penting kerana keputusan yang akan dikeluarkan melalui ujian-ujian ini akan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan alat uji personaliti tersebut bagi membolehkan ia diguna-pakai sebagai alat ujian personaliti pendakwah di negara ini.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pendahuluan

Bahagian pertama dalam bab ini adalah mengenai personaliti, teori personaliti, pandangan Islam terhadap personaliti manusia serta hubungan antara personaliti dan pendakwah.

Bahagian kedua pula akan membincangkan kajian berkaitan dengan personaliti dan pendakwah. Perbincangan mengenai pendakwah mencakupi definisi dakwah, da'i (pendakwah) dan sifat-sifat pendakwah yang dapat membantu menonjolkan personaliti pendakwah manakala perbincangan personaliti pula adalah mengenai definisi personaliti, teori personaliti dan personaliti pada pandangan Islam. Turut dibincangkan dalam bahagian kedua ini perihal akhlak, definisi akhlak dan kaitan antara personaliti dengan pendakwah.

Bahagian ketiga dan keempat membincangkan perihal ujian psikometrik dan ujian psikometrik dalam Islam sebelum bab ini ditutup dengan rumusan keseluruhan bab.

2.2 Kajian berkaitan

2.2.1 Personaliti

Kebanyakan ahli-ahli psikologi personaliti bersetuju mengenai istilah personaliti yang asalnya daripada perkataan Latin '*persona*' yang bermaksud topeng teater yang dipakai oleh aktor-aktor Roman dalam drama-drama Greek.

Menurut Baltus (2000), "*personaliti adalah bagaimana anda berinteraksi dengan orang lain dan menyesuaikan dengan keadaan sekeliling termasuklah perbezaan karakteristik yang mempengaruhi tingkah-laku anda*".

Namun begitu, kebiasaanya personaliti didefinisikan melalui istilah daya tarikan sosial. Seseorang yang mempunyai personaliti yang baik adalah seseorang yang dapat menarik orang lain dengan keupayaannya untuk seiringan dengan mereka. Ahmad Amri b. Zainal Adnan dalam tesisnya menyatakan bahawa, Allport (1961) menyatakan: "*Personaliti adalah satu organisasi dalam diri seseorang, terdiri daripada beberapa sistem psikofizikal yang membentuk corak karakteristik tingkah-laku, pemikiran dan perasaan seseorang*".

Noran (1997) menerangkan bidang personaliti memberikan tumpuan kepada dua perkara iaitu kepada diri seseorang secara keseluruhan dan kepada perbezaan antara individu. Menurut Lazarus (1963) berbanding dengan psikologi umur, psikologi personaliti memberi lebih tumpuan kepada sifat-sifat stabil pada manusia, di mana tret-tret atau perwatakan, memandu perilaku atau tindak-balas (Ahmad Amri b. Zainal Adnan, 2003).

Maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa, personaliti itu adalah satu sistem tingkah-laku sosial seseorang dan bagaimana ia mengadaptasikan sistem tersebut untuk berinteraksi dengan orang lain di persekitarannya.

2.2.1.1 Teori Personaliti

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, teori bermaksud prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan (perkembangan) sesuatu pengetahuan. Teori adalah model kepada sesuatu pembentukan yang mana ia membantu kita untuk memahami, menerang, meramal dan mengawal realiti tersebut. Dalam bidang personaliti, model-model tersebut biasanya secara verbal. Dari dahulu hingga sekarang, teori-teori personaliti didatangkan dalam bentuk seperti model grafik, simbol-simbol bergambar atau berbentuk angka-angka matematik dan juga model berkomputer. Namun, yang asasnya tetap melalui perkataan.

Perbezaan pendekatan difokuskan melalui aspek-aspek yang berlainan dalam teori personaliti. Teori-teori mengenai personaliti ini dipengaruhi oleh faktor peribadi ahli psikologi, aliran pemikiran pada sesuatu zaman dan ciri-ciri populasi dalam sesuatu kelompok

(Noran,1997), contohnya aliran Behaviourisma dan Humanisma (Ahmad Amri b. Zainal Adnan, 1997).

Kebanyakan kajian-kajian yang dijalankan di Barat tentang personaliti adalah mengenai teori personaliti. Banyak teori-teori personaliti telah dikemukakan antaranya ialah Teori Personaliti Sigmund Freud, Carl Jung, Otto Rank, Alfred Adler dan lain-lain.

Carl Jung dalam teorinya mengatakan bahawa setiap individu mempunyai "*psychology type*". Beliau percaya bahawa terdapat dua jenis 'fungsi' manusia di dalam kehidupan : pertama, bagaimana kita membawa masuk maklumat iaitu (bagaimana kita "menerima sesuatu") dan bagaimana kita membuat keputusan. Beliau percaya bahawa dengan adanya dua kategori tersebut, maka akan terdapatnya dua fungsi yang berbeza. Kita boleh menerima maklumat samada, pertama : pancaindera kita atau kedua : melalui kata hati dan kita akan dapat membuat keputusan berdasarkan samada logik akal atau pandangan perasaan sendiri. Jung percaya bahawa kita menggunakan keempat-empat fungsi tersebut dalam kehidupan kita cuma setiap individu akan menggunakan fungsi tersebut dengan berdasarkan keupayaan diri masing-masing.

Personaliti juga dilihat sebagai aspek-aspek yang kekal, bertahan dan stabil bagi seseorang yang mana ianya dapat membezakannya dengan orang lain, menjadikan mereka seorang yang istimewa dan unik tetapi dalam masa yang sama ia memperlihatkan perbandingan antara individu yang lain. Aspek personaliti ini disebut sebagai perbezaan individu. Bagi sesetengah teori personaliti, aspek ini menjadi isu utama perbincangan. Teori-teori ini kebanyakannya memberikan perhatian kepada perkara-perkara seperti jenis dan tret-tret serta ujian-ujian yang mana kita boleh mengkategorikan atau membandingkan personaliti mereka : sesetengah orang itu gila atau kurang mentalitinya, sesetengahnya tidak begitu, sesetengah orang itu pendiam dan pemalu, namun ada juga yang lincah dan aktif dan sebagainya.

2.2.1.2 Pandangan Islam Terhadap Personaliti Manusia

Manusia adalah makhluk ciptaan Tuhan yang terbaik. Islam menganggap setiap manusia ketika dilahirkan mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri yang baik dinamakan fitrah. Manusia dicipta daripada dua unsur : jasmani yang berpunca daripada tanah dan rohani yang berpunca daripada urusan ketuhanan atau dari alam ketinggian dan kekudusan di sisi Allah. Cantuman dua unsur yang berbeza dan berlainan tabiat, sumber dan arah matlamatnya maka terciptalah insan atau manusia dengan kekuasaan dan iradah Allah (Haron Din, 1988).

Allah menegaskan bahawa kejadian insan adalah yang sebaik dan seindah kejadian. Keindahan yang dikehendaki ialah keindahan dalam kedua-dua unsurnya : Bentuk lahir atau jasmaninya memang telah indah dan sempurna. Tetapi keindahan dalam bentuk lahirnya '*al-khalaq*' belum menepati keindahan dan kesempurnaan insan seperti yang dikehendaki oleh Allah Maha Pencipta-Nya. Keindahan dan kesempurnaan insan memerlukan juga kepada pembentukan keindahan rohani yang diistilahkan oleh Al-Quran dengan '*al-khalaq*'. Tanpa keindahan '*al-khuluq*' dan keindahan rohani, maka manusia akan jatuh ke taraf yang paling rendah daripada segala yang rendah. Untuk mendapatkan keindahan rohani, maka usaha itu diserahkan kepada manusia supaya membentuk diri kerohaniannya atau keperibadiannya itu mengikut 'acuan' yang telah ditentukan oleh Allah Maha Pencipta.

Perkataan akhlak berasal daripada kalimah bahasa Arab (الاخلاق) iaitu kata jamak dari *al-khuluq* (الخلق). Perkataan ini pula adalah pecahan dari perkataan *al-khalq* (الخلق) yang bererti ciptaan sepertimana banyak disebut di dalam Al-Quran. Abdullahi Hassan Zaroug (1999) mengatakan bahawa Al-Qurtubi mentafsirkan frasa *khuluq al-awwaliyin* sebagai adat lama atau kuno dan juga dimaksudkan dengan agama, tingkah-laku, ideologi atau doktrin (mazhab) (Ruqaiyyah Waris Maqsood, 2000). Namun, kebanyakan ahli-ahli falsafah menggunakan perkataan '*ethics*' atau '*etika*' untuk mengungkapkan tingkah-laku seseorang. Al-Quran menjelaskan perkataan *khuluq* ini di dalam dua ayat:

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang mulia" (Al-Quran, Al-Qalam 68:4)

“Segala apa (yang engkau katakan) ini, hanyalah adat-adat kebiasaan orang-orang dahulu-kala” (Al-Quran, Al-Syu'ara' 26:137)

Jika dilihat di sini, akhlak itu adalah sifat-sifat yang ada dalam diri seseorang lantas ia diterjemahkan dan dipraktikkan berlandaskan syariat Islam dan ia dibina dan ditarbiahkan, manakala personaliti pula adalah kualiti atau ketetapan seseorang. Personaliti dan Islam tidak konflik, tetapi jika personaliti diri berbeza dan tidak disalurkan pada sunnah syariat, maka ia akan konflik. Oleh itu, adalah amat indah seseorang itu apabila dia mempunyai akhlak dan budi pekerti yang mulia lalu ia diterjahkan melalui personaliti diri yang dibawa dalam dirinya.

Dalam Islam, akhlak yang mulia mencerminkan keperibadian dan tingkah-laku seseorang. Personaliti manusia itu akan lebih terpancar apabila ia mempunyai akhlak yang baik. Akhlak atau budi pekerti memegang peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Akhlak yang baik akan membezakan antara manusia dengan haiwan. Manusia yang berakhlak mulia dapat menjaga kemuliaan dan kesucian jiwanya, dapat mengalahkannya tekanan hawa nafsu, berpegang teguh dengan landasan-landasan Islam.

Akhlak pada Imam Ghazali (1993) mempunyai pengertian dan batas pengertiannya tersendiri. Pengertian akhlak baginya mengenai cara-cara 'suluk', mengenai jalan mendekatkannya kepada Allah sesuai dengan apa yang telah ditetapkan oleh syariat dan ahli-ahli feqah. Oleh sebab itu, beliau menggunakan banyak nama untuk akhlak itu. Kadang-kadang beliau menambahnya jalan ke akhirat, sesekali beliau menamakannya sifat-sifat hati, tempat beliau menggunakan kata rahsia amal ibadat agama, bahkan pernah menggunakan sebutan budi pekerti yang baik di mana ia dijadikan nama bagi sebuah karya karangannya iaitu *Akhlak al-Abrar*.

Dalam kitabnya iaitu *Ihya' Ulumuddin* menjelaskan bahawa budi pekerti itu merupakan suatu naluri asli dalam jiwa seseorang manusia yang dapat melahirkan suatu tindakan dan kelakuan dengan senang dan mudah tanpa rekaan fikiran. Jika naluri tersebut melahirkan sesuatu tindakan dan kelakuan yang baik lagi terpuji menurut akal dan syariat maka ia dinamakan budi pekerti yang baik. Manakala apa yang sebaliknya di mana naluri itu

melahirkan sesuatu perbuatan atau kelakuan yang jahat maka ia dinamakan budi pekerti yang buruk. Pada dasarnya budi pekerti itu ialah pancaran naluri jiwa semata-mata untuk mempertahankan diri atau keinginan dalam melakukan sesuatu. Ukuran di luar jiwalah yang menentukan buruk baiknya budi pekerti manusia itu.

Dapatlah dirumuskan di sini bahawa maksud akhlak di sisi Imam Ghazali berdasarkan kepada nama-nama di atas ialah membentuk jiwa dan mengembalikannya kepada apa yang telah digariskan oleh syariat Islam sebagaimana yang telah di lalui oleh ahli-ahli mukasyafah dan ahli tasawwuf Islam serta apa yang telah dilakukan oleh para nabi, siddiqin dan para syuhada' yang soleh.

Kesimpulannya, akhlak merupakan unsur penting dalam pembentukan personaliti manusia. Dengan berbekalkan akhlak yang mulia ini maka akan lahir budi pekerti insan yang indah dan karimah hasil dari persepadaan antara personaliti diri yang menarik dengan akhlak yang berlandaskan syariat Islam.

2.2.2 Pendakwah

Dakwah bermaksud "usaha menyampaikan, mengajak atau menyeru manusia kepada mengenali Islam, menerima dan menghayatinya yang dilaksanakan menerusi kaedah, cara dan pendekatan yang tertentu". Sudah menjadi tugas Muslim untuk mengajak orang lain menuju ke jalan kebaikan. Ajakan itu sepatutnya dilakukan dengan kebijaksanaan, lemah-lembut dan dengan tingkah-laku yang baik. Sebagai contoh, menjadi role model dan mengaplikasikan ke dalam amalan-amalan yang mulia dalam Islam. Muslim sepatutnya menasihati orang lain dengan menggunakan pendekatan yang lemah-lembut bertujuan untuk menarik dan menawan jiwa yang dahagakan kebenaran Allah SWT. Penyebaran yang agresif boleh mengurangkan kualiti dakwah seterusnya menghilangkan daya percaya bukan Islam terhadap Islam.

Pendakwah atau dalam bahasa Arab *da'i* adalah orang yang mengajak kepada kebenaran. *Da'i* juga didefinisikan sebagai propagandis, seseorang yang menyebarkan kadang-kadang untuk kumpulan tertentu) pergerakan pendakwah, khutbah atau panggilan.

Menurut Abu Abdullah (2003), *da'i* adalah seseorang yang mengajak orang lain kepada Allah SWT, Islam dan bersungguh-sungguh melakukan perbuatan yang mulia di pandangan Allah. Sebab utama dakwah dilakukan adalah mengajak kepada kebenaran dan mencegah kepada kemungkaran (*al-amr bil ma'ruf wa an-nahy'an al-munkar*).

Berdakwah ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT bukanlah pekerjaan yang mudah. Adakalanya terpaksa mengorbankan segalanya. Seperti Nabi SAW, ketika menyeru manusia dengan penuh kasih-sayang, dengan penuh kesabaran dan berlemah-lembut, tetapi ia dibalas dengan cacian, tohmahan dan pelbagai penganiayaan. Oleh kerana itu, untuk bertahan di jalan dakwah ini, para pendakwah perlulah terlebih dahulu membangunkan akhlak dan budi pekertinya. Hanya dengan kekuatan akhlak dan budi pekerti yang mulia segala macam dugaan dan cabaran tersebut akan dapat di atasi dan ianya tidak mampu menggoyahkan semangat untuk terus berdakwah.

Pendakwah boleh diibaratkan sebagai cermin kepada sesebuah pembangunan akhlak suatu bangsa. Oleh itu, ia merupakan orang yang pertama dilihat dan dinilai akhlaknya. Jika akhlaknya baik, maka masyarakat akan ikut baik, jika akhlaknya buruk maka masyarakat akan tidak punya pegangan lagi. Jadi, mundur majunya akhlak suatu bangsa salah satunya bergantung pada maju mundurnya akhlak para pendakwahnya. Atas alasan itulah, maka para pendakwah perlulah berakhlak mulia dan berbudi pekerti luhur.

Menurut Dr. Ali Abdul Halim Mahmud dalam bukunya *Fiqh Ad-Da'wah Ila Allah (1)*, Para pendakwah perlulah memiliki akhlak yang mulia (*as-shifat al-khuluqiyyah*) seperti berikut:

Ikhlas

Ikhlas bererti membersihkan maksud atau niat dan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah dari berbagai maksud dan niat yang lain. Ikhlas juga mengabaikan pandangan dan penilaian manusia dengan sentiasa memberikan tumpuan pada pandangan dan penilaian dari Allah semata-mata.

Ikhlas ibarat akar dan pohon. Niat adalah akar, perbuatan dan tingkah-laku pula adalah pohon. Niat merupakan titik-tolak kepada permulaan segala amal, perbuatan, pekerjaan dan tingkah-laku. Niat ini yang menjadi ukuran untuk menentukan baik buruknya sesuatu amal perbuatan. Ertinya, apabila niatnya baik, maka pada umumnya hasilnya akan baik. Begitulah sebaliknya, jika niatnya jelek maka hasilnya pun akan jelek pula. Oleh itu, amatlah perlu bagi seorang pendakwah itu walau yang dilakukannya sekecil perkara, namun kerana niat ikhlasnya, maka hasilnya besar. Mungkin juga akan berlaku sebaliknya jika kerana dakwahnya tidak ikhlas, maka ia tidak akan memperolehi apapun selain penat-lelah dan jemu. Untuk itu, keikhlasan amatlah penting. Hanya dengan ikhlas, dakwah yang dilakukan akan memberikan impak yang besar bagi pendakwah itu sendiri mahupun pada orang lain.

Syukur

Syukur selalunya dikaitkan dengan tiga perkara. Jika ianya tidak dikumpulkan bersama-sama maka ia tidak dapat disebut sebagai syukur. Ianya adalah : mengakui nikmat dalam batin, mengucapkannya dengan lisan dan menggunakannya sebagai saranan untuk taat kepada perintah Allah SWT.

Syukur berkait-rapat dengan hati, lidah atau percakapan dan anggota badan. Hati adalah untuk mengenal (*ma'rifah*) dan mencintai (*mahabbah*) Allah SWT. Lisan pula untuk memuja dan memuji Allah SWT dan anggota badan melaksanakan segala pemberian dan nikmat Allah SWT untuk mentaati-Nya. Oleh itu, para pendakwah hendaklah menjadi contoh dalam melaksanakan syukur, di mana hati, lisan dan perbuatannya harus menunjukkan rasa syukur yang setinggi-tingginya atas nikmat dan anugerah Allah SWT.

Sabar

Sabar ialah keyakinan akan datangnya rahmat dan pertolongan Allah SWT dalam segala situasi dan keadaan. Disebabkan kesabaran, maka seorang hamba akan mampu menjalankan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Dengan kesabaran, seorang hamba akan mampu menahan segala dugaan dan cabaran yang menimpa dirinya.

Secara umumnya, sabar dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bersifat rohani dan jasmani. Sifat sabar ini hendaknya tidak terpisah dari sebahagian hidup para pendakwah :

- (a) Sabar yang bersifat jasmani ialah kesabaran fizikal memikul beban yang berat seperti sabar dalam mendapat cubaan yang teruk seperti ditimpa kemiskinan, menderita sakit, ditimpa kemalangan dan sebagainya.
- (b) Sabar yang bersifat rohani atau kejiwaan pula disebut dalam pelbagai bentuk seperti:
 - 1) Sabar menahan nafsu syahwat. Sabar ini disebut sebagai 'iffah'.
 - 2) Teguh menahan musibah atau bencana, tidak mengeluh, tidak gelisah, tidak menyesal dan tidak mengumpat. Ia disebut sabar atas musibah.
 - 3) Sabar menahan diri dari kehidupan mewah dan kaya. Ia disebut *dhabtun nafs* (ضبط النفس) (mampu menahan diri).
 - 4) Sabar dan teguh dalam perjuangan. Ia disebut *syaja'ah* (شجاعة) (keberanian).
 - 5) Sabar menahan diri untuk tidak marah. Ini disebut sebagai *hilm* (حلم).
 - 6) Sabar dalam menghadapi pelbagai cubaan dan rintangan. Ini disebut sebagai *sa'atus shadar* (سعة الصدر).
 - 7) Sabar dalam menyembunyikan rahsia. Ia disebut *kitmanussirri* (كتمان السر).
 - 8) Sabar untuk tidak melakukan corak hidup yang berlebih-lebihan. Ia disebut *zuhud* (زهد).
 - 9) Berani dan tabah untuk mengambil atau menerima sesuatu walaupun ianya sedikit. Ia disebut *qana'ah* (قناعة).

Menurut Dr. Ali Abdul Halim Mahmud dalam bukunya *Fiqh Ad-Da'wah Al-fardiyyah*, Seseorang pendakwah itu perlu memiliki sifat-sifat khusus (*shifat khassah*) iaitu:

Mahabbah (cinta dan kasih-sayang kepada Allah)

Mahabbah atau cinta kepada Allah SWT adalah tujuan paling utama dari semua peringkat dan merupakan puncak tertinggi dari tingkat pendakian jiwa dan kerohanian.

Mahabbah juga adalah perasaan rindu, redha dan kasih-sayang kepada Allah. Apabila hati tidak merasai *mahabbah*, maka setiap penderitaan yang datang dirasakannya amat berat

tanggungan malah lebih berat lagi dari bahu yang memikul. Bahkan hati yang tidak *mahabbah* kepada Allah jauh lebih dahsyat sakitnya daripada ketika badan ditinggalkan mayatnya. Oleh itu, setiap pendakwah perlulah sentiasa menghidupkan *mahabbah* di dalam jiwa mereka agar mereka sentiasa berasa dekat dengan Allah SWT dan apabila *mahabbah* itu menjadi asas utama dalam kehidupan pendakwah maka, akan tersingkirilah semua kecintaan pada duniawi dan segala isinya.

***Khauf* (takut kepada Allah)**

Perasaan takut kepada Allah akan hadir apabila manusia menyedari kelemahan dirinya dan sekaligus tahu akan keagungan Tuhannya. *Khauf* yang demikian akan mencegah manusia dari berbuat maksiat dan mendorongnya untuk berbuat kebaikan. Kurangnya *khauf* pada seseorang akan menyebabkan dia lalai dan berani berbuat maksiat pada Allah SWT.

Khauf ini terbahagi kepada dua peringkat :

- (a) Takut kepada Allah. Peringkat ini diperolehi oleh mereka yang berhati bersih, ikhlas dan mampu menyelami sifat-sifat Allah. Orang ini akan melihat bagaimana Maha Esa dan Maha Kuasanya Allah, dan demikian itu ia akan merasa takut kepada-Nya.
- (b) Takut kepada azab-Nya. Peringkat ini diperolehi oleh manusia umumnya. Setiap manusia mampu memperolehi peringkat *khauf* ini jika mereka percaya dengan adanya syurga dan neraka. Dengan kata lain, ia yakin akan adanya hari pembalasan di akhirat kelak.

Justeru itu, para pendakwah haruslah menghidupkan hatinya dengan *khauf* ini. Para Pendakwah yang mengabaikan perasaan takut pada Allah ini, nescaya akan berdakwah menurut hawa nafsunya dan jelas sekali dia tidak akan mendapat apa-apa hasil.

Taubat

Taubat menurut bahasa ialah kembali. Menurut istilah, artinya kembali kepada kesucian setelah melakukan dosa. Hakikat taubat pada dasarnya ialah meninggalkan perbuatan dosa dengan niat tidak akan mengulangi perbuatan tersebut. Setiap hari, samada sadar atau tidak manusia sentiasa berbuat dosa, tidak kiralah kecil atau besar. Oleh demikian, manusia hendaklah sentiasa merenung diri (*bermuhasabah*). Cara ini akan dapat menyedari manusia tentang apa yang telah diniatkan dan dikerjakannya. Ia akan mengetahui apakah niat dan perilakunya mengandungi dosa atau tidak. Dengan cara ini akan membawa manusia kepada taubat.

Dosa yang dilakukan oleh manusia pelbagai. Dosa tersebut boleh bersifat *rububiyah* (ketuhanan) seperti sombong, bermegah-megah, besar kepala, gila kuasa dan pujian, sanjungan, kemuliaan dan kekayaan. Dosa bersifat syaitan seperti hasad dengki, penyelewengan, penipuan, marah, hasut-menghasut dan melakukan kemungkaran. Kadangkala terlampau menurut hawa-nafsu, maka akan lahir sifat tamak-haloba mengumpul harta-benda untuk kepentingan sendiri tanpa memikirkan keperluan orang lain.

Semua dosa tersebut adalah sangat mudah menghinggapi manusia. Hanya orang-orang yang sedar akan kebesaran dan kesucian Allah, akan segera melakukan taubat dari dosa-dosa tersebut. Maka, hendaknya para pendakwah sedar akan bahaya dan ancaman dosa tersebut.

Zuhud

Zuhud ialah meninggalkan keinginan dan kemahuan dari sesuatu kepada sesuatu yang lebih baik.. Hal ini biasa terjadi jika seseorang itu mengetahui dan memahami sesuatu itu lebih baik. Misalnya, sekiranya dia tahu dan mengerti bahawa apa yang di sisi Allah itu lebih baik dan kekal, maka ia akan memalingkan segala keinginan dan kemahuannya kepada-Nya. Ia tidak akan mengerahkan seluruh keinginannya kepada sesuatu yang nilainya lebih rendah. Maka, orang *zuhud* itu akan dilihat lebih menyukai apa yang ada pada Allah daripada kehidupan dan segala isinya.

Rasulullah SAW adalah contoh jelas dalam melaksanakan sifat *zuhud* ini. Kezuhudan beliau lebih mengutamakan orang miskin dan kemaslahatan umat Islam daripada kepentingannya sendiri. Kezuhudan beliau itulah yang kemudiannya mampu mendidik dan meningkatkan jiwa para sahabatnya, sehingga meniru sikap beliau.

Menyedari akan hal ini, maka sudah semestinya setiap pendakwah berzuhud. Tanpa itu, maka dakwahnya kurang memberikan erti dan makna pada orang yang didakwahnya. Justeru itu, tugas para pendakwah adalah bagaimana mendidik diri sendiri untuk terus *zuhud* sesuai dengan tauladan Nabi Muhammad SAW.

Redha atas ketetapan Allah SWT

Redha atas ketetapan Allah ertinya menerima segala kejadian yang menimpa dirinya dengan rasa senang. Ia tidak merungut, tidak kesal, rela atas apa yang menimpa dirinya dan menerimanya dengan tabah dan lapang dada. Kejadian yang menimpa diri manusia kadangkala ada yang menyenangkan ada yang menyedihkan. Kadang-kadang manusia bergembira dan berbangga bila masa senang lalu akhirnya dia lupa untuk bersyukur. Kadang-kadang manusia terlalu mengikut perasaan apabila ditimpa kesusahan dan kesedihan lantas dia lupa untuk bersabar. Lantaran itu, jalan yang perlu dilalui oleh para pendakwah akan dipenuhi dengan madu (kesenangan) dan racun (kesedihan dan kesusahan). Apalagi mereka akan berhadapan dengan pelbagai kerenah masyarakat yang didakwahnya. Untuk itu, sifat redha atas ketetapan Allah hendaknya dipegang teguh.

Dzikrul maut

Dzikrul maut atau mengingati mati merupakan hal yang terpuji dan patut dimiliki oleh pendakwah. Mati bagi kebanyakan orang adalah menakutkan, kerana mati bererti akan berpisah dengan orang-orang yang dicintai dan disayangi, berpisah dengan apa yang kita miliki dan menemui segala akibat amal perbuatan. Bagi orang yang mempunyai pengetahuan dan keyakinan akan kehidupan setelah mati, serta merasakan bahawa dirinya tidak melakukan dosa dan kesalahan, maka baginya tidak ada ketakutan terhadap mati.

Mengingati mati pada dasarnya akan mendorong manusia untuk melakukan kebaikan kerana :

- (a) Ingat akan mati akan menyebabkan lebih giat menjalankan ibadah, kerana mati bererti kembali kepada-Nya.
- (b) Ingat mati, akan menyebabkan seseorang memiliki akhlakul karimah, berbudi pekerti yang baik dan terhindar dari sikap tamak haloba, sombong dan takbur.
- (c) Dengan mengingati mati, menyebabkan seseorang itu akan berpenampilan tenang, sopan dan hormat pada sanak-saudara dan keluarga, apalagi terhadap orang lain.
- (d) Ingat mati, menyebabkan seseorang itu akan menghindarkan diri dari perlakuan yang bermewah-mewah. Dia akan mengutamakan kehidupan yang sederhana dan berhemat. Dia juga akan sedar bahawa kemewahan tidak boleh dibawa mati.
- (e) Dengan mengingati mati, akan menyebabkan hidupnya akan sentiasa berkomunikasi dan mendekati diri pada Allah SWT dan berusaha mengikuti sunnah Rasul SAW

Rendah Diri

Rendah diri ialah mengetahui nilai seseorang itu, untuk mencegah sikap bangga diri dan tidak mempedulikan pandangan orang lain dan tidak memperkecil-kecilkan kebolehan seseorang.

Merendah diri di sini merangkumi merendah diri dengan teman-teman atau orang-orang di sekeliling. Kebiasaanya, apabila timbul persaingan maka akan timbullah jua perasaan hasad dengki antara satu sama lain. Sifat iri hati dan riak perlulah dihindari. Merendah diri juga bermaksud tidak memperkecil-kecilkan seseorang. Jika sekiranya kita bertemu dengan seseorang yang lebih muda dari kita atau mungkin kurang sedikit pengetahuannya, maka kita hendaklah tidak mengeneipikan dia kerana mungkin dia mempunyai hati yang lebih baik dan mulia dari kita atau mungkin dia lebih dekat dirinya dengan Allah SWT berbanding dengan kita.

Penegakan dan pembentukan akhlak-akhlak seperti di atas adalah sangat efektif dalam mengembang dan membangunkan sumber daya manusia. Ertinya, dakwah turut berperanan dalam proses pembentukan tersebut. Untuk itu, para pendakwah perlulah bersungguh-sungguh menjadi perintis dalam melaksanakannya.

Oleh yang demikian, akhlak sangat penting dalam pembentukan personaliti seseorang. Dengan berbekalkan akhlak yang mulia, para pendakwah akan dapat menarik hati dan jiwa orang-orang yang kehausan akan kebenaran Allah SWT. Jika pendakwah sudah mampu mewujudkan akhlak yang baik, maka ia akan tampil laksana pohon yang rendah. Akarnya tertunjang ke perut bumi dan batangnya menjulang ke langit. Batangnya menjadi tempat bersandar, akarnya tempat bersila, daunnya tempat berlindung tatkala hujan dan panas. Buahnya bisa dinikmati dari zaman ke zaman. Bekasnya kekal hingga akhirat kelak. Begitulah Pendakwah yang berakhlak.

Oleh itu, berdasarkan maklumat-maklumat di atas dapatlah dirumuskan bahawa dalam Personaliti pendakwah tersebut, perlulah ada elemen-elemen atau ciri-ciri tersebut untuk memperkukuhkan lagi personaliti pendakwah itu. Ini adalah penting kerana ciri-ciri tersebut akan menggambarkan diri dan cara pembawakan diri pendakwah untuk berhadapan dengan masyarakat sekelilingnya.

2.3 Ujian Psikometrik

Ujian psikometrik memang telah terkenal di negara Barat dengan kepentingannya tertentu. Ujian psikometrik ini telah diguna untuk beberapa tujuan, seperti proses pemilihan tenaga kerja, proses diagnosis dan proses kaunseling.

Jasrotia (2000) memberikan definisi ujian psikometriks ini sebagai *'psychometrics is that part of psychology which is concerned with measurement and interpretation of psychological variables. A psychometric instrument designed to produce a quantitative assessment of one or more psychological attributes like reasoning ability, interest, aptitude,*

temperament etc. Psychometric tests help in understanding the personality, the non-intellectual dimension of a person.

Sebagai kegunaan ujian psikometrik ini Baron (1993) menyatakan ' *psychometric tests are powerful tools used by organizations for the selection, development and management of people*'. *Tests can enhance decision making process in assessment for selection and promotion, as an aid to management in area such as motivation and team building, to identify the development needs, as a basis for employee counseling as well as in organizational areas such as management of change or succession planning*'.

Kegunaan ujian psikometrik ini juga telah juga dibincangkan oleh SHL sebagai ' *using tests can lead to substantial gains for an organization in terms of increased output and efficiency, better quality staff, higher morale, more effective performance, lower training costs and reduce turnover.*'

Ujian psikometrik juga dapat memberikan maklumat yang objektif dan relevan mengenai diri individu. Ujian mungkin mengenai aptitud atau kebolehan dan bakat seseorang, ujian personaliti yang meramalkan tingkah-laku seseorang dan ujian minat.

Walaupun banyak faedah menggunakan ujian psikometrik ini, namun kegunaannya di negara kita masih kurang. Malah pembentukan ujian-ujian yang berbudaya tempatan masih amat sedikit. Dengan itu meskipun ia diakui sebagai ' *powerful tools*' ia masih tidak dikenali ramai.

4 Ujian Psikometrik Dalam Islam

Jika dibandingkan dengan Barat, ujian psikometrik tidaklah begitu popular di dalam Islam. Kajian secara empirikal dalam bidang psikologi agama, terutamanya di Malaysia dan masih belum diperkembangkan oleh sarjana Islam dari perspektif agama Islam sendiri. Kebanyakan kajian-kajian yang dikemukakan oleh sarjana Barat tidak menepati kehendak

kaedah penggunaan dalam Islam yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah (Ahmad Amri b.Zainal Adnan.2003)..

Jika dilihat di Barat, ujian psikometrik ini telah menjadi alat yang berkesan oleh sesebuah organisasi untuk pemilihan, pembangunan dan pengurusan manusia (Baron, 1993). Sebagai contoh, dalam sektor perniagaan, hari ini ujian psikometrik semakin meningkat kepentingannya. Ini adalah kerana organisasi di seluruh dunia menyedari bahawa bukan-IQ sahaja bersangkutan dengan beberapa keupayaan untuk memperbaharui sesuatu, kebebasan berfikir yang mana panduan dan rangkaian telah menjadi kurang penting kepada individu dan organisasi untuk berjaya.

Oleh yang demikian, hal ini boleh diadaptasikan ke dalam agama Islam. Menurut Muhammad Qutb (1994), *pakar psikologi Islam perlu mencipta ujian bagi pembolehubah yang khas bagi kegunaan orang-orang Islam. Dengan demikian, ia akan memberikan sumbangan besar kepada ilmu jiwa dan menghapuskan fikiran kepada Barat. Langkah ini adalah mengaplikasikan norma-norma dan nilai-nilai Islam melalui kaedah psikometrik* (Ahmad Amri b. Zainal Adnan, 2003).

Kajian ini sedikit sebanyak boleh menjadi titik-tolak untuk membina satu instrumen pengukuran penghayatan iman yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah yang mana ia boleh di terima pakai oleh masyarakat Malaysia.

Ujian psikometrik adalah berguna jika diadaptasikan mengikut kaedah-kaedah Islam. Ia dapat membantu kita menilai dan memahami personaliti seseorang samada dari segi pemikiran, tingkah-laku dan perasaan. Dalam dunia era globalisasi hari ini, bukan sahaja keperluan teknologi tinggi yang diingini, bahkan keperluan untuk mencapai kualiti dan kuantiti yang baik untuk sesuatu hasil.

2.5 Rumusan

Berdasarkan kajian yang lepas, kajian mengenai dakwah telah banyak dikemukakan. Namun, kajian mengenai tingkah-laku dan personaliti pendakwah tidak banyak dikaji. Harus diberi perhatian juga bahawa personaliti seseorang itu adalah amat penting kerana melalui personaliti akan menginterpretasikan sesuatu. Personaliti akan mencerminkan sikap dan sahsiah sebenar seseorang. Personaliti yang baik akan menjadi ikutan dan idaman setiap insan. Oleh yang demikian, sebagai seorang pendakwah, memegang gelaran orang yang mempunyai ilmu agama yang banyak, warak dan tawadduk maka mereka ini perlulah mempunyai sikap dan personaliti yang baik yang akan dapat meyakinkan orang dalam usaha dan aktiviti mereka menyampaikan dakwah.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang dijalankan. Ini termasuklah bentuk kajian, lokasi kajian dan kaedah memungut data.

3.2 Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk triangulasi. Di mana beberapa kaedah akan digunakan dalam mengumpulkan data. Kaedah yang digunakan ialah:

1. Data yang dikumpulkan dari kajian perpustakaan (data sekunder)
2. Kajian Pendapat Pakar
3. Menjalankan analisis kandungan
4. Ujian kesahan dan kebolehpercayaan alat
5. Kajian pola personaliti pendakwah di Malaysia menggunakan alat yang dibina



3.3 Proses Pengumpulan Data

3.3.1 Kajian Perpustakaan dan Media Elektronik

Data dari perpustakaan dan internet dikumpulkan untuk mendapatkan maklumat mengenai ciri pendakwah yang baik. Data dari sorotan kajian lepas ini akan membantu dalam menghasilkan pembolehubah penting dalam membina alat Ujian Personaliti Pendakwah KUIM ini. Ujian ini berasaskan kepada senarai yang telah disarankan oleh Abdul Khabir Mohd. Atta (1996). Terdapat lima bahagian iaitu:

Bahagian	Bilangan Kenyataan
A	53 kenyataan
B	7 kenyataan
C	67 kenyataan
D	16 kenyataan
E	12 kenyataan

3.3.2 Kajian Pendapat Pakar

Kajian pendapat pakar ini dilakukan sebagai satu kaedah untuk mendapatkan pembolehubah yang membawa kepada ciri-ciri personaliti pendakwah yang baik.

Jika kita kembali kepada definisi personaliti iaitu "*satu organisasi dinamik di dalam seseorang, terdiri daripada beberapa sistem psikofizikal yang membentuk corak karakteristik tingkah-laku, pemikiran dan perasaan seseorang*", memperlihatkan terdapatnya beberapa elemen atau faktor yang dapat membentuk personaliti pendakwah tersebut. Satu kajian temubual telah dilakukan menggunakan alat kajian semi struktur (sila rujuk lampiran) yang dibina bagi mendapatkan pendapat pakar-pakar dalam bidang dakwah ini mengenai personaliti pendakwah dan apakah elemen-elemen yang boleh membantu membentuk personaliti pendakwah tersebut. Seramai 120 orang pakar telah dipilih untuk ditemu bual berdasarkan pengalaman dan pembabitannya yang telah lama dalam bidang dakwah. Mereka ini

RUJUKAN

- Abdul Khabir Mahamud Atta. (1996). *Dakwah dari Aspek Metodologi dan Tamadun : Teori dan Cara Menjadi Daie*. UIA Publications.
- Abdullah Muhammad Zin. (1990). *Islamic Da 'wah (Mission)*. Pustaka Antara Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Abu Abdullah. (12/08/2003). <http://www.angelfire.com/mc4/islam/da`wah.html>.
- Abu Bakar Nordin (1995). *Asas Penilaian Pendidikan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Ahmad Amri b. Zainal Adnan. (2003). *Hubungan Empirikal Antara Tret Personaliti dan Penghayatan Iman di Kalangan Belia Melayu : Kajian Kes di KISDAR, Selangor*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali Abdul Halim Mahmud.(1993). *Fiqh Ad-Da 'wah Ila Allah (II)*. Cairo : Dar Al-Wafa, 840-843.
- Ali Abdul Halim Mahmud. (1994). *Fiqh Ad-Da 'wah Al-Fardiyah*. Cairo : Dar Al-Wafa.
- Baron, H. (1993). *Towards Fair Selection : A Survey of Test Practices and Thirteen Case Studies*. Commission for Racial Equality.
- Borg, W.R., Gall, J.P., & Gall. M.D. (1993). *Applying Educational Research: A Practical Guide*. (3rd ed.) New York: Longman.
- Castillo, E.S. (1990). *Validity of The RELC Test of Proficiency in English for Academic Purpose*. RELC Journal Vol.21 No.2.
- Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot. (2000). *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Utusan Publication and Distribution.
- George, D & Mallery (2001). *SPSS for Windows Step By Step: A Simple Guide & Reference 10.0 Update*. (3rd ed.). Allyn & Bacon, USA.
- George, R.L., & Cristiani, T.S. (1981). *Theory, Methods & Processes of Counselling & Psychotherapy*. Englewood, N.J.: Prentice Hall.
- Haron Din. (1988). (31/10/2003). http://www.laman-map.com/forum_umum/disc8/htm
- H. A. Ya 'kub Matondang. (2003). *Dakwah Fungsional . Jaringan Dakwah*. Bangi (Malaysia). UKM & UMSU. 21-30.

- Ian Richard Netton. (1992). *A Popular Dictionary of Islam*. USA : Curson Press.
- Ismail Abdul Rahman & Mohd. Nasir Omar. (1991). *Islam, Cabaran dan Isu Semasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Jasrotia, P. (2000). *Psychometric Tests Still To Catch On*. Indian Express Group, India.
- John McLeod (1994). *Melaksanakan Penyelidikan Kaunseling*. Terj. Issham Ismail & Wan Mahzom Ahmad Shah. Johor:Penerbit UTM Skudai.
- Khadija Haffajee. (12/08/2003). <http://www.angelfire.com/mc4/islam/da`wah.html>.
- Lester, A. Lefton and Linda Brannon. (2003). *Psychology* (8th Ed). USA : Allyn and Bacon.
- Muhammad Abu Al- Fath Al-Bayanuni. (TT). *Al-Madkhal Ila 'Ilm Ad-Da`wah*. Al-Madinah : Muassasah Ar-Risalah.
- Mohd. Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi ke-4, Kuala Lumpur. DBP.
- Mohd. Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0*. Kuala Lumpur: Penerbitan Venton.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang:Penerbitan UPM.
- Pimpinan Pusat Muhammadiyah Majelis Tabligh. (1998). *Islam dan Dakwah*. Yogyakarta.
- Rauf Syalabi. (1974). *Ad-Da`wah Al-Islamiyah fi 'Ahdika Al-Makiki* :Cairo: Majma' Al-Buhus Al-Islamiyah.
- Richard, M. R. (2000). *Theories of Personality* (7th Ed). USA : Wadsworth / Thomson Learning
- Rita, K. B. (2000). *Personal Psychology for Life and Work* (5th Ed). Glencoe / Mc Graw Hill.
- Ruqaiyyah Waris Maqsood. (2000). *A Basic Dictionary of Islam*. India : AL-RISALA, The Islamic Centre.
- Russell, J.D. (1974). *Modular Instruction: A Guide To The Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. Minnesota: Burgee Publication Company.
- Sa'id Ibn Ali Ibn Wahf Al-Qahthani. (1994). *Muqawwimat Al-Da`iyah An-Najih*. Saudi Arabia : Maktabah Fadh, Al-Wathaniyah.
- Shaykh Salman Al-'Awdah. (14/08/2003).<http://www.islaam.com/article>

- Sidek Mohd. Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbitan UPM.
- Sidek Mohd. Noah (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra
- Sidek Mohd. Noah & Mohd. Jaamat Ali (1998). "Keberkesanan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu Terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Sembilan". *Jurnal PERKAMA Bil.8 (2000) 46-67*. ISSN 0127/6301.
- Syaikh 'Ali Mahfuz. (TT). *Hidayat Al-Mursyidin*. Cairo: Al-Maktabah Al-Mahmudiyah At-Tijariyah.
- Tuckman, B.W., & Waheed, M.A. (1981). *Evaluating An Individualized Science Programme For Community College Students*. *Journal of Research In Science Teaching*, 18, 489-495.
- Pratiknya. (2003). *Dakwah Kultural. Jaringan Dakwah*. Bangi (Malaysia) : UKM & UMSU. 170-177.

Best Practice in the Management of Psychometrics Test. SHL.